

| | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI</p> <p>(Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Pelan Insurans Motorist's Companion Extra (MCX-c) Kereta Persendirian (Komprehensif). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).</p> | <p>Nama Penawar Khidmat Kewangan: Liberty General Insurance Berhad</p> <p>Nama Produk : Motorist's Companion Extra (MCX-c) Kereta Persendirian (Komprehensif)</p> <p>Tarikh : 01/03/2024</p> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya **untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Produk ini menawarkan pampasan ke atas sebarang kecederaan diri secara langsung disebabkan oleh kecederaan luaran yang tidak disengajakan serta boleh dilihat dan ianya menjadi penyebab utama dan secara langsung kematian atau kecacatan kepada pemandu dan/atau penumpang-penumpang yang memandu atau yang menaiki kenderaan sebagai penumpang ketika menaiki atau turun daripada kenderaan. Selain itu, Program Bantuan Kereta dan Manfaat Kesulitan juga disediakan di dalam polisi ini. Polisi ini memberi perlindungan 24 jam di seluruh dunia kepada pemegang polisi / pihak diinsurans.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini memberi perlindungan untuk:

- | | |
|---------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| a) Kematian atau kecacatan kekal; | j) Bantuan Antarabangsa (Singapura & Thailand); |
| b) Perbelanjaan Perubatan; | k) Mengaturkan Evakuasi Kecemasan; |
| c) Perbelanjaan Pengebumian; | l) Rujukan Pusat Servis; |
| d) Indemniti Berganda; | m) Penghantaran Mesej Kecemasan ; |
| e) Pembedahan Pergigian dan/atau Pembedahan Kosmetik dan/atau Bayaran Ambulans; | n) Pembayaran Balik Kereta Sewa; |
| f) Manfaat Pendapatan Hospital | o) Elaun Kecurian Kereta; |
| g) Khidmat Tunda Kecemasan 24-Jam | p) Elaun Kesulitan Pecah dan Rampas; |
| h) Pembaikan Kerosakan Kecil Kereta Di Tepi Jalan | q) Elaun Kesulitan Banjir; |
| i) Bantuan Teksi dan Pembayaran Balik | r) Elaun Kesulitan Kemalangan; |
| | s) Penggantian Kunci Kereta / Pemancar |

Kematian atau faedah hilang upaya kekal akan dibayar jika kematian atau hilang upaya berlaku dalam tempoh 90 hari selepas tarikh kemalangan.

"Kehilangan" seperti yang di atas digunakan dengan rujukan kepada tangan atau kaki bermaksud pemutusan sepenuhnya di atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki, dan digunakan dengan rujukan kepada mata bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan lagi.

Kejadian apa-apa kehilangan khusus yang boleh dibayar pampasan di bawah bahagian ini hendaklah sekali gus menamatkan semua insurans di bawah polisi ini, tetapi penamatan sedemikian hendaklah tanpa prasangka terhadap apa-apa tuntutan yang berpunca daripada kemalangan yang mengakibatkan kehilangan sedemikian.

Pampasan tidak akan dibayar di bawah apa-apa keadaan untuk lebih daripada satu kehilangan, iaitu kehilangan terbesar yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

Tempoh masa perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah bayaran premium yang perlu dibayar?

Kami mempunyai 3 pelan untuk pilihan dan premium adalah seperti berikut:-

| JADUAL PREMIUM | | | |
|---------------------------------------------|--------------------------------|---------------------|---------------------|
| Kapasiti Tempat Duduk (Termasuk Pemandu) | Jumlah Yang Diinsuranskan (RM) | | |
| | Pelan A | Pelan B | Pelan C |
| | 10,000 setiap orang | 20,000 setiap orang | 50,000 setiap orang |
| Premium Tahunan (RM) | | | |
| 5 Tempat Duduk | 84.91 | 111.32 | 177.36 |
| Setiap Tambahan Tempat Duduk | | 21.00 | |

- Nota:**
- a) Pemandu mestilah berumur 18 tahun ke atas.
 - b) Penumpang yang berumur 15 tahun ke bawah berhak mendapat sehingga 50% daripada semua faedah yang diperuntukkan.
 - c) Amaun premium ini adalah sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar? Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

| Jenis | Jumlah |
|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat | 10% |
| Duti Setem | RM10.00 |
| Cukai Perkhidmatan | Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia |

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda perlu memberitahu semua fakta dan maklumat seperti jenis pekerjaan dan maklumat peribadi anda, yang mungkin mempengaruhi profil risiko.
- b) **Perlindungan adalah hanya untuk kerugian akibat kemalangan, Program Bantuan Kereta dan Manfaat Kesulitan** yang tertera di dalam polisi.
- c) **Tunai Sebelum Perlindungan** (hanya untuk Individu Polisi) – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatas dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- d) **Warranti Premium** (hanya untuk Polisi Kelompok) – Premium yang kena bayar mestilah dibayar kepada kepada pihak Kami atau ejen berdaftar kami dalam tempoh enam puluh (60) hari polisi berkuatkuasa.
- e) **Notis Tuntutan** - Jika berlakunya kemalangan yang menimbulkan suatu tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari kemalangan itu.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan:

- a) Risiko perperangan;
- b) Bunuh diri dan hilang akal;
- c) Kecederaan yang disengajakan;
- d) AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan HIV / AIDS;
- e) Pembunuhan akibat kemarahan atau serangan;
- f) Aktiviti sukan yang berbahaya.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luppet.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat menyurat / maklumat peribadi saya?

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada profil anda, termasuk jenis pekerjaan dan maklumat peribadi anda, yang mungkin mempengaruhi profil risiko.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk pada naskhah *insuranceinfo* berkenaan ‘Insurans Kemalangan Diri’, yang terdapat di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan daripada agen insurans.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

Liberty General Insurance Berhad

Dahulu dikenali sebagai Amgeneral Insurance Berhad
Liberty Insurance Tower,
CT 9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
50490 Kuala Lumpur.
Tel. No: 03-2268 3333 or 1-300-888-990
E-mel : customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

10. Perlindungan Kemalangan Diri lain yang boleh didapati.

Perlindungan Kemalangan Diri Lain Yang Boleh Didapati Adalah Seperti Berikut:

- Pelan Kemalangan Diri SmartCover
- Pelan Kemalangan Diri FlexiCare
- Pelan Insurans Pemandu & Penumpang StarRider
- Pelan Insurans Rakan Pemandu Kenderaan 2

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac, 2024.